Universiti Teknologi MARA
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026



Akreditasi

Sesi Lawatan Penilaian Penuh
Pusat Verifikasi Kualiti (QVC)
UiTM Oleh MQA

Pengurusan Kualiti

Audit Surveillance 1 (SV1)
ISO 9001:2015

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Inovasi Specifill Serlah Dalam Podcast Exellens, Kumpulan Luminous Cetus Inspirasi Ke Arah Kejuaraan

eISSN 2976-2596
9772976259003

Digitalisasi Akreditasi: Warga Kerja Akademik UiTM Lonjak Pemantauan Kualiti Menerusi Sistem *i-Accredit*

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Kurikulum (BHEK) telah berjaya menganjurkan Sesi Taklimat Penggunaan Sistem i-Accredit bagi Penyediaan Dokumen IQA01, IQA02, dan IQA04.

Sesi intensif selama dua (2) jam yang berlangsung menerusi platform *Google Meet* ini telah menghimpunkan seramai 460 peserta yang terdiri daripada Ketua Unit Kualiti, Ketua Pusat Pengajian (KPP), Koordinator Program, serta warga kerja BHEK seluruh kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Majlis telah dibuka dengan ucapan alu-aluan oleh Profesor Dr. Kamarularifin Abd Jalil, Pengarah Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA), yang menegaskan bahawa peralihan daripada kaedah manual kepada sistem digital i-Accredit ini merupakan langkah strategik untuk memudahkan pemantauan status permohonan, semakan dokumen, penilaian dokumen dan pengurusan bukti secara berpusat. Sesi yang penuh impak ini turut dihadiri dan disokong penuh oleh pasukan BHEK yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Muhammad Faizal Samat, Ketua Akdreditasi Akademik, BHEK.

Taklimat komprehensif ini telah dikendalikan secara bersama oleh tiga (3) orang Ketua Unit AQA. Berikut merupakan intipati dan fokus utama sistem yang diperincikan:

Pengenalan Sistem & Aliran Kerja

Slot pengenalan dimulakan oleh En. Abd Razak Abu Kassim, Ketua Akreditasi Program (Sains Sosial dan Kemanusian) yang memberikan penerangan ringkas namun padat mengenai asas *Sistem i-Accredit*.

Eksplorasi IQA01 & IQA02

Sesi diteruskan oleh Profesor Dr. Sheila Belayutham, Ketua Akreditasi Program (Sains dan Teknologi) melalui demonstrasi praktikal penggunaan sistem. Beliau memaklumkan bahawa walaupun kandungan instrumen IQA01, IQA02, dan IQA04 adalah berbeza, kaedah pengisian dan mekanismenya adalah seragam bagi memudahkan pengguna.

Sesi *Refreshment* IQA04 & Sasaran 2026

Profesor Madya Dr. Hadijah Iberahim, Ketua Pematuhan Kualiti Akademik mengambil alih sesi bagi memberikan refreshment pengisian IQA04 serta menghebahkan tarikh-tarikh penting bagi menjayakan proses audit pematuhan yang melibatkan 48 program terpilih untuk kitaran tahun 2026. Di samping itu, beliau juga memberikan beberapa tips penting bagi memastikan dokumen yang disediakan mencapai standard yang ditetapkan.

Penekanan utama diberikan kepada aliran kerja digital berasaskan peranan kawalan kualiti yang memerlukan pengesahan akhir daripada Ketua Jabatan. Pada masa yang sama, warga akademik turut diingatkan tentang kepentingan menguruskan bukti digital secara sahih dan selamat di dalam sistem bagi memastikan kebolehpercayaan dokumentasi yang dikemukakan.

Pelaksanaan agenda digitalisasi ini turut melibatkan pengurusan garis masa audit yang sistematik serta pematuhan kepada keperluan penilaian kendiri yang sedang dilaksanakan. Bagi mempermudah urusan di peringkat cawangan, sokongan teknikal berterusan disediakan untuk pengurusan akses pengguna, sementara penawaran program di lokasi baharu tetap tertakluk kepada kelulusan jawatankuasa tertinggi universiti sebelum proses dokumentasi digital dapat dimulakan.

Secara keseluruhannya, penganjuran taklimat ini bukan sekadar satu langkah transformasi teknikal, malah merupakan cerminan komitmen berterusan UiTM dalam memperkasakan budaya kualiti yang holistik. Melalui sinergi erat antara InQKA dan BHEK, pengoperasian sistem i-Accredit ini diyakini mampu melonjakkan standard pengurusan akademik universiti ke tahap yang lebih tinggi, sekali gus menyokong hasrat global UiTM dalam mendepani cabaran pendidikan era digital dengan lebih cekap dan lestari.

Universiti Teknologi MARA | Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

Universiti Unggul Pemacu Bumiputera Profesional | UiTM di hatiku | اوسها تقوى مولينا | @inqkauitm

eISSN 2976-2596